



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1989
DR.48/1989

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1989 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1990.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, yang disebut "Ordinan" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 26 dengan yang berikut:

Penggantian seksyen 26. Ord. 61/58.

"Withdrawal of notes and coins and their disposal."

26. (1) The Bank may take all such steps as it may deem appropriate to withdraw from circulation coins which are worn or which have been tampered with, or notes which are defaced, or unfit for circulation, and may destroy, deal with or otherwise dispose of the same in such manner as may be directed in writing by the Governor or the Deputy Governor or other officer of the Bank as may be authorised in writing by either the Governor or the Deputy Governor.

(2) The provisions of subsection (1) as to destruction or disposal of, or dealing with, notes and coins shall apply to notes and coins which have been called in and will cease to be, or have ceased to be, legal tender under subsection (3) of section 24.”.

Pindaan
seksyen 28.

3. Seksyen 28 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “ninety-three days” dalam perenggan (c) dengan perkataan-perkataan “one year”.

Pindaan
seksyen 30.

4. Seksyen 30 Ordinan adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “ninety-three days” dalam perenggan (m) subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “one year”; dan

(b) dengan menggantikan perenggan (s) subseksyen (1) dengan yang berikut:

“(s) undertake the issue and management of loans publicly issued—

- (i) by the Government;
- (ii) by the Government of any State;
- (iii) by any public authority; or
- (iv) with the approval of the Minister, by any corporation referred to in paragraph (j);”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda peruntukan-peruntukan tertentu di dalam Ordinan Bank Negara Malaysia 1958.

2. *Fasal 1* memperuntukkan bagi Akta yang dicadangkan di bawah Rang Undang-Undang ini disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1990.

3. *Fasal 2* menggantikan seksyen 26 Ordinan dengan peruntukan baru bagi memberi kuasa kepada Bank untuk mengambil segala langkah yang dianggapnya sesuai untuk menarik balik daripada

peredaran syiling dan wang kertas daripada perihalan yang dinyatakan di dalamnya, dan untuk memusnahkan, mengendalikannya atau selainnya melupuskan syiling dan wang kertas tersebut mengikut cara yang diarahkan secara bertulis oleh Gabenor atau Timbalan Gabenor atau pegawai lain Bank yang diberikuasa secara bertulis oleh salah seorang daripada mereka. Ia juga memperuntukkan bagi pemusnahan atau pelupusan, atau pengendalian wang kertas dan syiling yang dipanggil di bawah seksyen 24 (3) Ordinan yang akan terhenti, atau telah terhenti, daripada menjadi wang sah.

4. *Fasal 3* meminda perenggan (c) seksyen 28 Ordinan bagi melanjutkan tempoh kematangan bil-bil Perbendaharaan yang boleh dimasukkan ke dalam rizab aset luar Bank daripada sembilan puluh tiga hari yang wujud sekarang kepada satu tahun.

Fasal 4 (a) membuat pindaan berbangkit kepada perenggan (m) subseksyen (1) seksyen 30 Ordinan untuk membolehkan Bank membeli dan menjual bil-bil Perbendaharaan yang mempunyai tempoh kematangan sehingga satu tahun sebagai ganti tempoh sembilan puluh tiga hari yang wujud sekarang.

5. *Fasal 4 (b)* menggantikan perenggan (s) subseksyen (1) seksyen 30 Ordinan untuk memberi kuasa kepada Bank, dengan kelulusan Menteri, untuk bertanggungjawab bagi pengeluaran dan pengurusan pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan secara awam oleh mana-mana perbadanan yang disebut di dalam perenggan (j) subseksyen itu. Perbadanan yang disebut di dalam perenggan (j) adalah perbadanan yang ditubuhkan dengan kelulusan atau di bawah kuasa Kerajaan bagi maksud menggalakkan pembangunan pasaran wang atau sekuriti dalam Persekutuan atau bagi pembiayaan pembangunan ekonomi dalam Persekutuan. Bank diberi kuasa di bawah perenggan (j) tersebut untuk memperolehi, memegang dan menjual syer perbadanan itu dengan kelulusan Menteri.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [JPN (R) 200/76.]